

Tarikh : 20hb Okt 2020

Sila rujuk senarai edaran,

Tuan/Puan,

KEPUTUSAN KES SIVIL NO BKI B52NCvC 72/11-2017

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

AFI dengan sukacitanya ingin memaklumkan, selepas lebih dari 3 tahun kes mahkamah bermula diantara SAFODA sebagai plaintif pertama, AFI sebagai plaintif kedua dan En.David Bin Mahadus sebagai defendan pertama dan 2 yang lain, Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu telah memberi keputusan berpihak kepada plaintif iaitu SAFODA dan AFI. Keputusan tersebut telah dibuat pada 3hb September 2020.

Hakim, setelah mendengar keterangan dan memeriksa bukti yang telah dikemukakan oleh kedua belah pihak serta setelah membuat pertimbangan sewajarnya, mahkamah mendapati pihak plaintif berjaya membuktikan pihak defendan pertama telah melakukan tindakan menceroboh kawasan yang telah dipertikaikan iaitu kawasan yang dikenali sebagai Kamanchi-Gandawari yang terletak di dalam kawasan yang diwartakan kepada SAFODA. Mahkamah telah mengarahkan defendan pertama serta pengikut-pengikutnya;

- i. Merobohkan semua struktur yang telah dibina oleh mereka di tanah tersebut.
- ii. Mengosongkan dan diusir daripada tanah berkenaan.
- iii. Tidak masuk dan tinggal di tanah tersebut.

Walau bagaimanapun, adalah difahamkan yang David Bin Mahadus selaku defendan pertama di dalam kes ini telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah.

SAFODA dan AFI akan memaklumkan perkembangan kes ini kepada komuniti dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

Yang benar,
b/p **ACACIA FOREST INDUSTRIES SDN BHD**



MICHAEL LINDSAY JANSSEN
Pengurus Besar

LAMPIRAN-Senarai Edaran

Kg. Ampungoi	Kg. Malubang
Kg. Andap	Kg. Manggis
Kg. Batu	Kg. Mangkapon Darat
Kg. Batu 10 Laut	Kg. Mangkubou Darat
Kg. Bawing	Kg. Mantaya
Kg. Boluuh	Kg. Mapan-Mapan
Kg. Bongkol	Kg. Maringgalan
Kg. Bongkol Pusaka	Kg. Narandang Darat
Kg. Botung	Kg. Narandang Laut
Kg. Dalas	Kg. Naruntung
Kg. Datong	Kg. Pagasaon
Kg. Gumpa	Kg. Pagung
Kg. Kabatasan Darat	Kg. Pangkalan Mangkapon
Kg. Kabatasan Laut	Kg. Pansuran
Kg. Kakarangan	Kg. Petani Baru
Kg. Kandang	Kg. Pituru/Kg Mangkapon Laut
Kg. Kandingah	Kg. Pungiton Polod
Kg. Kapok	Kg. Radap
Kg. Kinangoh	Kg. Serupil
Kg. Kipahung	Kg. Suang Duyung
Kg. Kodong	Kg. Sungai Eloj
Kg. Kuyuh	Kg. Taman Bukit Cantik
Kg. Latip	Kg. Tampakahu
Kg. Liu Darat	Kg. Telaga
Kg. Liu Tamu	Kg. Tiga Tarok
Kg. Lok Dangkaan	Kg. Timboi Dagang
Kg. Lumikog	Kg. Ungkup/Kg Radap